



UNISEM (M) BERHAD

(Co.No.183314-V)


POLISI ALAM SEKITAR

Dalam usaha ke arah mencapai wawasan korporat dan matlamat kami untuk menjadi syarikat Malaysia terunggul dalam menyediakan pembungkusan separa konduktor secara menyeluruh dan perkhidmatan pengujian global dan dikenali sebagai badan korporat contoh, maka adalah menjadi polisi pihak pengurusan kami supaya menjalankan aktiviti perniagaan kami dalam cara yang konsisten, praktis dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kami akan berusaha supaya segala usaha dan operasi mematuhi prinsip dan garis panduan yang terkandung dalam polisi ini.

Polisi kami ialah

- *Mengenalpasti dan melaksanakan **peningkatan berterusan** ke atas prestasi mesin, proses dan persekitaran supaya memenuhi keperluan sistem pengurusan alam sekitar.*
- *Mengamalkan tabiat **menjaga kebersihan dan penyimpanan bahan kimia** supaya meminimakan potensi kesan terhadap alam sekitar.*
- *Mematuhi **keperluan undang-undang, spesifikasi EMS dan keperluan lain merangkumi pengurusan bahan kimia dalam produk.***
- *Menggalakkan **penjimatan tenaga** dan pemuliharaan sumber-sumber semulajadi.*
- *Mengenalpasti dan menggalakkan **penggunaan semula** serta mengurangkan penggunaan bahan-bahan berbahaya.*
- *Menubuhkan **pelan tindakan kecemasan** untuk mengendalikan sebarang situasi kecemasan yang mungkin berlaku.*
- *Menggalakkan aktiviti-aktiviti perlindungan alam sekitar dengan **mengurangkan pengeluaran bahan-bahan pencemaran** ke atas udara, air dan darat, serta mengelakkan potensi kesan negatif ke atas alam sekitar.*
- *Meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar kepada pekerja-pekerja melalui **latihan dan publisiti.***
- *Menggalakkan **penyertaan pembekal dan kontraktor** dalam usaha ke arah memenuhi keperluan EMS UNISEM.*
- ***Mengemukakan polisi alam sekitar kepada pihak yang berminat apabila diminta secara rasmi.***

Pihak pengurusan berjanji akan menyokong pengurusan alam sekitar dengan melaksanakan pertimbangan semula polisi dan membuat pemantauan terhadap perkembangan program pengurusan alam sekitar bagi memastikan pematuhan terhadap polisi ini.


(Kevin Khoo)
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

July 2023